

07 APR 1999

Mahathir-Pulih

KEADAAN KESIHATAN DR MAHATHIR BERTAMBAH BAIK

KUALA LUMPUR, 7 April (Bernama) -- Keadaan kesihatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menjalani rawatan di Institut Jantung Negara kini bertambah baik, menurut para doktor yang merawatnya hari ini.

"Rawatan yang diberikan oleh para doktor di IJN menunjukkan kesan yang positif dan menggalakkan," kata satu kenyataan akhbar pejabat Perdana Menteri di sini.

"Bagaimanapun, mereka telah menasihatkan supaya Yang Amat Berhormat terus berehat di IJN sehingga beliau pulih sepenuhnya," menurut kenyataan itu yang dikeluarkan pada pukul 4 petang.

Kenyataan itu juga berkata Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua pihak yang telah menghantar kad ucap selamat serta jambangan bunga dan yang membuat panggilan telefon untuk mengetahui keadaan Perdana Menteri.

Dr Mahathir dimasukkan ke wad IJN bagi menjalani rawatan infeksi paru-paru sejak Jumaat lepas.

Kenyataan itu berkata: "Dr Mahathir melahirkan rasa terharu atas keperihatinan orang ramai yang mendoakan supaya beliau cepat sembuh dan kembali bertugas secepat mungkin."

Beliau juga meminta maaf kerana tidak dapat bertemu dengan pelawat-pelawat yang datang mengunjungi beliau atas nasihat doktor supaya beliau berehat sepenuhnya.

Ini merupakan kenyataan rasmi kedua daripada pejabat Perdana Menteri mengenai keadaan kesihatan Dr Mahathir sejak kenyataan yang dikeluarkan pada Ahad lepas mengenai infeksi paru-paru yang dialami beliau.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Dr Mahathir kini sudah berjalan-jalan di dalam biliknya dan tidak hanya tidur dan berehat seperti sebelum ini.

"Saya telah dimaklumkan mengenai kesihatan Dr Mahathir oleh salah seorang setiausahanya hari ini," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen.

Ketika ditanya sama ada Perdana Menteri sebelum ini tidak boleh berjalan, beliau berkata beliau tidak diberitahu mengenai perkara itu.

"Sebelum ini, saya tak diberitahu sama ada beliau ada masalah atau tidak tetapi saya diberitahu bahawa beliau banyak tidur dan rehat dan hari ini beliau bangun dan berjalan," katanya.

Perkembangan baru itu sudah pastinya menunjukkan kesihatan Dr Mahathir bertambah baik, kata Abdullah.

"Keadaan kesihatan PM tidak perlu dibimbangkan. Kita perlu terus berdoa mudah-mudahan beliau bertambah sihat dan kuat semula untuk meneruskan kerja beliau," katanya.

Abdullah juga berkata beliau melawat Perdana Menteri tengah hari semalam dan sempat memaklumkan kepada Dr Mahathir perkara-perkara yang telah dilaksanakannya bagi pihak beliau.

Semalam juga, katanya, doktor yang merawat Perdana Menteri telah memaklumkan kepada beliau mengenai kesihatan Dr Mahathir yang pada waktu itu berkeadaan stabil dan perlu berehat.

Mengenai penyebaran khabar-khabar angin termasuk melalui Internet tentang kesihatan Perdana Menteri, Abdullah berkata beliau tidak faham bagaimana keadaan Dr Mahathir yang sakit itu dijadikan sebagai isu untuk membuatkan orang sakit hati dan susah hati.

"Ini sepatutnya tidak berlaku langsung, sebab beliau sekarang sakit dan sepatutnya kita mendoakan agar beliau cepat sihat, daripada mengucapkan

perkataan yang tidak wajar," katanya.

Beliau berkata kalau ada perkara-perkara yang perlu diberitahu, kerajaan akan mengeluarkan kenyataan.

Beliau meminta orang ramai agar tidak melayan mereka yang menyebarkan khabar angin.

"Bila ada orang layan khabar angin dan terkejut, gempar dan kelam-kabut pula apabila mendengar khabar angin itu, orang yang buat khabar angin itu seronoklah. Tak tahulah mereka ini mungkin ada niat-niat tertentu," katanya.

Terdahulu, semasa menjawab pertanyaan Lim Kit Siang (DAP-Tanjong) pada persidangan Dewan Rakyat mengenai kesihatan Dr Mahathir, Abdullah berkata sakitnya tidak ada kena-mengena dengan jantung tetapi hanya ada kahak di dalam paru-paru.

-- BERNAMA

NZ HS NMO